| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bayi terima darah dicemari HIV | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 17 Apr 2013 | Color | Black/white |
| Section | Global | Circulation | 60,000 |
| Page No | 55 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 45 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 180 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 540 |


GLOBAL

Letupan cemari Maraton Boston

PBB mahu hantar misi pengaman di Mali

Mubarak kekal dipenjarakan

Ringkas

# Bayi terima darah dicemari HIV

**SAINT PETERSBURG -** Gara-gara kesilapan doktor, seorang bayi perempuan berumur 16 bulan di Rusia telah dijangkiti virus HIV semasa pemindahan darah, menurut penyiasat, kelmarin.

Jawatankuasa Penyiasat Saint Petersburg memaklumkan insiden tidak sengaja itu dilaporkan berlaku di sebuah hospital kanak-kanak bandar tersebut.

Difahamkan, bayi digelar Daniella itu mengalami radang peritoneum (membran yang melapik rongga abdomen) sehingga menyebabkan proses pemindahan darah terpaksa dilakukan selepas doktor gagal mengesan bahawa mangsa telah tertelan enam magnet.

Bayi malang itu kini terpaksa menjalani rawatan antiretrovirus untuk jangka masa panjang. - *AFP*

Powered by: MediaBanc
Be informed